



KENYATAAN MEDIA

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELAKU PENERUS SABAH COVID-19 COMMAND CENTRE

Sebagai langkah menangani penularan wabak COVID-19, Kerajaan Negeri telah memutuskan melalui mesyuarat *Sabah COVID-19 Command Centre* pada hari ini, untuk melaksanakan larangan-larangan seperti berikut:

A. Arahan Kuarantin Di Pusat Kuarantin Bagi Semua Individu Yang Masuk Ke Negeri Sabah Terus Dari Luar Negara

Selaras dengan keputusan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara pada 20 Mac 2020, Kerajaan Negeri akan melaksanakan arahan tersebut bahawa bermula 22 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020, semua individu yang memasuki negeri Sabah terus dari luar negara melalui udara, laut, sungai dan darat akan dikuarantin di Pusat Kuarantin selama 14 hari.

B. Penutupan Operasi Jeti Penumpang Awam Antara Daerah (*Inter-District*)

Kerajaan Negeri memutuskan supaya operasi jeti penumpang awam antara daerah (*Inter-District*) di Kudat, Sipitang, Kota Kinabalu, Lahad Datu, Sandakan dan Tawau **DITUTUP** mulai 22 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 kecuali bagi kes-kes kecemasan.

Sabah COVID-19 Command Centre hari ini juga ingin memaklumkan bahawa perkara-perkara dan isu-isu berikut telah dan sedang dilaksanakan, iaitu:

A. Sekatan Jalan Raya

Setakat ini, hanya 17 buah daerah telah melakukan sekatan jalan raya untuk mengurangkan pergerakan kenderaan yang dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Kerajaan Negeri mengarahkan supaya semua daerah mengenakan sekatan jalan raya dengan serta-merta.

B. Bekalan Makanan

Kerajaan Negeri sekali lagi ingin mengesahkan bahawa bekalan makanan adalah mencukupi.

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SABAH
21 Mac 2020 | 1.00 Petang